

Datanglah beramai-ramai

Anda dijemput untuk menghadiri ke

PROGRAM AGRO PRODUK: HERBA DAN REMPAH RATUS 25 HINGGA 29 JUN 2008

Adalah dimaklumkan bahawa pihak MHC dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya akan menganjurkan **Program Produk Agro Jun 2008 - Herba dan Rempah Ratus** . Aktiviti ini akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 25 hingga 29 Jun 2008 (Rabu - Ahad)
Tempat : Taman Warisan Pertanian, Putrajaya
Masa : 10.00 pagi – 7.00 malam

Antara aktiviti menarik yang akan diadakan termasuklah :

1. Aktiviti jualan produk-produk herba dan demonstrasi produk.
2. Pertandingan Mewarna (28 Jun 2008 – Sabtu)
 - Terbuka kepada kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun
 - Segala peralatan mewarna akan disediakan oleh Perbadanan Putrajaya berupa 'goodies bag'
 - Kanak-kanak dikehendaki mewarna di atas kertas yang disediakan dengan kemas dan menarik
 - Jumlah penyertaan adalah 50 peserta
3. Pertandingan Melukis dan Mewarna (28 Jun 2008 – Sabtu)
 - Terbuka kepada kanak-kanak berumur 7 hingga 9 tahun
 - Segala peralatan mewarna akan disediakan oleh penganjur berupa 'goodies bag'
 - Kanak-kanak dikehendaki melukis dan mewarna objek atau gubahan yang disediakan di atas kertas lukisan yang disediakan
 - Jumlah penyertaan adalah 50 peserta
4. Pertandingan Art Herbs & Spices (28 Jun 2008 – Sabtu)
 - Terbuka kepada kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun
 - Segala peralatan Art Herbs & Spices akan disediakan oleh pihak Penganjur berupa 'goodies bag'
 - Kanak-kanak akan dibekalkan dengan fail kosong dan pelbagai herba dan rempah ratus serta gam. Mereka dikehendaki menghias fail tersebut dengan herba dan rempah ratus mengikut daya kreatif masing-masing.
 - Jumlah Penyertaan adalah 50 peserta.
5. Acara Musang Berjanggut (28 Jun 2008 – Sabtu)
 - Terbuka kepada golongan dewasa
 - Jumlah penyertaan adalah 20 peserta (tempat terhad)

- Setiap peserta akan diberi 1 kotak yang mengandungi pelbagai herba dan rempah ratus yang telah dicampurkan. Mereka dikehendaki mengasingkan herba dan rempah ratus tersebut mengikut jenis masing-masing. Mereka yang pantas mengasingkan herba dan rempah ratus tersebut akan dianggap sebagai pemenang untuk acara ini.
6. Pertandingan Agro Hunt Adventure (29 Jun 2008 – Ahad)
- Terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah.
 - Setiap kumpulan terdiri daripada 2 peserta
 - Jumlah penyertaan adalah 50 kumpulan
 - Soalan akan disediakan oleh pihak penganjur yang meliputi soalan-soalan sekitar Taman Warisan Pertanian Putrajaya.